

Angin perubahan

Oleh YAHAYA AHMAD

UM 24 NOV 1999

Analisis BERITA

ANGIN perubahan nampaknya semakin ketara akan melanda Kelantan selepas 29 November ini apabila sebilangan besar rakyat negeri itu didapati tidak lagi berminat untuk meneruskan mandat kepada Pas yang memerintah tanpa pembangunan.

Mereka sebaliknya kini memberikan kepercayaan kepada Barisan Nasional (BN) untuk meneruskan kesinambungan program pembangunan yang terbantut selama hampir 10 tahun selepas pemerintahan Pas.

Selain faktor pembangunan, rakyat Kelantan juga semakin dapat menilai komitmen yang ditunjukkan oleh kepimpinan UMNO negeri, terutama selepas Tengku Razaleigh Hamzah dilantik semula sebagai pengerusinya.

Para pemimpin UMNO negeri kini bukan saja berjaya menghapuskan sikap berpuak-puak serta perbezaan pendapat sesama sendiri, malah telah mengambil pelbagai langkah secara bersungguh-sungguh bagi membuktikan hasrat mereka untuk membela nasib rakyat.

Ini termasuklah menganjurkan seminar khas bagi mencari pendekatan baru ke arah menjana lebih banyak kemajuan yang sekali gus mampu mewujudkan peluang pekerjaan dan program membasmi kemiskinan di kalangan rakyat.

Perpecahan

Tengku Razaleigh sendiri memberikan panduan berguna kepada rakyat Kelantan dengan meminta mereka melangkah ke alaf baru tanpa lagi mewarisi kemiskinan, kemunduran, perpecahan dan kejahilan.

"Mari kita tinggalkan abad ini dengan membuang kemiskinan, kemunduran, perpecahan dan kejahilan di belakang kita untuk selama-lamanya.

"Kita mesti melangkah ke depan memasuki alaf baru untuk menjadi bangsa yang kuat yang disegani kawan dan

lawan," kata beliau semasa melancarkan Tabung Yayasan Pemulihan Orang-Orang Cacat Kelantan baru-baru ini.

Ahli Parlimen Gua Musang itu mahu rakyat Kelantan melangkah memasuki abad ke-21 nanti tanpa membawa gejala-gejala yang selama ini sinonim dengan kehidupan tradisi mereka, terutama perpecahan akibat perbezaan fahaman politik dan kedaifan hidup.

Perubahan itu adalah sejajar dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk memberi kemakmuran kepada seluruh rakyat dan menjadikan Malaysia sebagai negara maju menerusi Wawasan 2020.

Peringatan Tengku Razaleigh itu dianggap penting ketika sebilangan rakyat Kelantan masih bergelut dengan sikap berpuak-puak selain ancaman disebabkan kadar kemiskinan yang tertinggi di negeri itu.

Ramai daripada mereka terus dicengkam kemunduran kerana tidak banyak projek pembangunan dijalankan oleh kerajaan negeri pimpinan Pas setelah memerintah sejak tahun 1990 lalu.

Tanpa program pembangunan yang tersusun, maka hampir tidak ada langsung peluang pekerjaan dapat diwujudkan, sama ada di sektor perkilangan, pertanian atau perkhidmatan.

Sejak mengambil alih pemerintahan, kerajaan Pas tidak menunjukkan keupayaan melaksanakan program yang boleh memakmurkan rakyat sebagaimana yang terkandung dalam manifesto pilihan raya parti itu pada tahun 1990.

Tiada pembinaan kilang-kilang baru, kawasan pertani-

ketara di Kelantan

an yang sedia ada juga tidak berkembang dan pembukaan rancangan kemajuan tanah sebagaimana dilakukan oleh kerajaan negeri sebelum ini menerusi penubuhan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) gagal diteruskan.

Walaupun Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sebelum ini berulang kali mencanangkan usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan sektor pertanian bagi meninggikan taraf hidup penanam padi dan tembakau, tetapi langkah tersebut tidak kesampaian.

Tanpa peluang pekerjaan, rakyat hanya mempunyai dua pilihan, iaitu menjalani kehidupan secara daif - kais pagi makan pagi atau berhijrah untuk merebut peluang pekerjaan di negeri lain.

Berhijrah untuk mencari rezeki di rantau orang bukanlah fenomena baru di kalangan rakyat Kelantan yang terkenal rajin berusaha.

Ketika era pemerintahan Pas sekitar tahun 60-an dan 70-an, ribuan rakyat Kelantan merantau ke Kedah dan Perlis untuk bekerja membanting tulang di jelang padi negeri-negeri berkenaan setiap tahun.

Pengaliran

Pengaliran tenaga kerja ke kedua-dua negeri di utara itu menjadi reda setelah Kerajaan Pusat melaksanakan projek pengaliran bagi kawasan persawahan di Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Begitu juga ketika ramai penduduk Kelantan merantau ke Singapura untuk bekerja sebagai buruh membina bangunan kerana terpesona dengan upah yang mahal, Kerajaan Pusat terpaksa berikhtiar membawa mereka pulang.

Ini dilakukan dengan cara menarik pelabur membina kilang-kilang di kawasan perindustrian Pengkalan Chepa serta membangunkan kawasan Kelantan Selatan yang merangkumi jajahan Gua Musang, Jeli, Kuala Krai dan sebahagian Tanah Merah dengan skim pembangunan tanah.

Bilangan rakyat yang tidak mempunyai pekerjaan tetap semakin bertambah di Kelantan setiap tahun.

Perangkaan pihak berkuasa juga mendapati bilangan penarik beca roda tiga atau dikenali di Kelantan sebagai 'gateh teksi' adalah yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain dengan purata pendapatan mereka sekadar RM5 hingga RM10 sehari.

Bilangan penerima bantuan menerusi Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) juga meningkat saban tahun, selain terdapat tidak kurang 10,000 ibu tunggal di Kelantan yang terpaksa menyara hidup dengan menjadi peraih atau peniaga di pasar-pasar tempatan.

Operasi oleh pihak berkuasa tidak lama dulu juga memperoleh hasil yang memeranjatkan apabila mendapati bilangan pengemis yang meminta sedekah dari rumah ke rumah, masjid dan surau serta di kedai-kedai makan, adalah cukup ramai.

Jika gejala ini dikaitkan dengan konsep 'negara kebajikan berasaskan Islam' yang dijanjikan oleh Pas selama 10 tahun memerintah Kelantan, maka jelas model yang dicanangkan itu tidak lebih sebagai gimik semata-mata.

Fenomena yang memilu dan mengaibkan ini mungkin akan berterusan jika tidak ada usaha-usaha konkrit dilakukan oleh pihak berkuasa bagi menanganinya.